

# Jadikan Malaysia contoh pada negara lain — PM

ILM - 5 JAN 1993

KUALA LUMPUR 4 Jan. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa Malaysia seharusnya menjadi contoh kepada negara-negara lain dan umat Islam keseluruhannya dengan menunjukkan teladan yang baik melalui bekerja keras.

Perdana Menteri berkata, adalah menjadi satu kewajipan bagi masyarakat Islam di negara ini membuktikan bahawa Islam adalah agama kejayaan bagi dunia dan akhirat.

Bagi mencapai matlamat ini, katanya, "kita harus ketepikan pandangan dan tafsiran yang sempit terhadap ibadat, terhadap isi kandungan Al-Quran dan terhadap hadis serta sunnah Nabi."

Dr. Mahathir berkata, apa yang menyebabkan masyarakat mundur dan dipandang rendah bukan kerana Al-Quran dan hadis tetapi tafsiran-tafsiran yang dibuat oleh orang tertentu yang berkepentingan diri.

Perdana Menteri menyatakan demikian semasa berucap merasmikan Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-35 di sini malam ini. Tema majlis tilawah kali ini ialah 'Wawasan Memajukan Ummah.'

Serentak dengan itu, beliau meminta semua pihak supaya menjadikan Al-Quran bersama hadis yang sahih sebagai panduan hidup yang akan membimbing manusia ke arah kemajuan dan pembangunan yang seimbang di dunia dan akhirat.

Dr. Mahathir menjelaskan, Al-Quran yang ditafsir dengan betul tidak akan menghalang kemajuan umat sepertimana ia tidak menghalang kemajuan umat Islam dulu dan sudah tentu tidak akan menjadikan mereka lemah dan dihina seperti sekarang.

Menurutnya, ahli-ahli fikah di zaman Sepanyol berada di bawah pemerintahan Islam terlalu ghairah dengan perbahasan dan polimik berkenaan dengan hukum-hakam Islam sehingga kekuatan pemerintahan tidak diberi perhatian.

Apabila negara itu diseraung semula, kata beliau, negeri Islam tidak mampu mempertahankan diri walaupun ulama pada masa itu mendesak supaya bersungguh-sungguh mempertahankan wilayah Islam.